



**MAJLIS DAERAH BACHOK
BANDAR PELANCONGAN ISLAM
16300 BACHOK
KELANTAN**

Tel: 09-7787636

Faks: 09-7789533

PEMBERITAHUAN

IKLAN TAWARAN PAJAKAN PASAR DALAM KAWASAN MAJLIS DAERAH BACHOK BANDAR PELANCONGAN ISLAM BAGI TAHUN 2024

Ruj. Fail : MDB 48/7/4/JLD.34
Tarikh : 14 November 2023

1. Tawaran adalah dipelawa kepada orang perseorangan atau Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang tinggal dalam Jajahan Bachok untuk memajak Pasar dalam kawasan **MAJLIS DAERAH BACHOK BANDAR PELANCONGAN ISLAM** untuk tempoh satu(1) tahun bermula 1hb. Januari 2024 hingga 31hb. Disember 2024. Pasar-pasar yang dimaksudkan adalah sebagaimana berikut :
 - (i) Pasar Abdul Rahman bin Auf (Wakaf Zin) - pajakan tahunan dihadkan tidak kurang dari RM 7,000 setahun.
 - (ii) Pasar Siti Zainab (Bachok) - pajakan tahunan dihadkan tidak kurang dari RM 6,000 setahun.
 - (iii) Pasar Gunong - pajakan tahunan dihadkan tidak kurang dari RM 4,000 setahun.
2. Mana-mana tawaran yang kurang dari kadar yang telah ditetapkan di atas tidak akan dilayan. Semua tawaran hendaklah dibuat melalui Borang Tawaran Pajakan yang boleh didapati di Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam dengan harga sebanyak RM 20.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh sahaja) senaskhah.
3. Setiap orang yang ingin memasuki tawaran hendaklah menyimpan wang pertaruhan RM 500.00 bagi Pasar Abdul Rahman bin Auf (Wakaf Zain) dan Pasar Siti Zainab (Bachok). Manakala RM 200.00 bagi Pasar Gunong. Wang pertaruhan ini akan dikembalikan kepada penawar yang tidak berjaya. Manakala penawar yang berjaya tetapi enggan menerima atau menolak tawaran, wang pertaruhannya akan dijadikan hasil Majlis Daerah Bachok.
4. Borang tawaran yang telah di sempurnakan beserta resit Am Wang Pertaruhan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul, dimeteri dan dibahagian atasnya di sebelah kiri hendaklah ditulis "**TAWARAN PAJAKAN PASAR (NAMA PASAR 2024)**" Sampul tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di pejabat ini sebelum jam **12.00 tengahari pada 29 November 2023 (Rabu)** bersamaan **15 Jamadil Awal 1445H**. Tawaran yang diterima selepas itu tidak akan dilayan.

5. Selain dari bayaran pajakan, pemajak dikenakan bayaran tambahan dan syarat-syarat sebagaimana berikut:

| | | | |
|------|--|---|--------------------|
| i.) | Wang Pertaruhan Kebersihan | - | RM 1,000.00 |
| ii.) | Wang Pertaruhan Bekalan Elektrik dan Air | - | <u>RM 1,500.00</u> |
| | | | <u>RM 2,500.00</u> |

Bayaran ini hendaklah dijelaskan bersekali deposit pajakan dan akan dikembalikan kepada pemajak sekiranya Yang Dipertua berpuashati dengan keadaan kebersihan pasar, bil bekalan elektrik serta air bagi tahun tersebut hendaklah di jelaskan oleh Pemajak.

6. Setelah tawaran diterima oleh Majlis Daerah Bachok, pemajak dikehendaki menambahkan wang pertaruhan bagi mencukupi bayaran tiga (3) bulan pajakan sebagai jaminan dan menandatangani surat perjanjian dalam tempoh tujuh (7) hari setelah diberitahu.
7. Bayaran pajakan hendaklah dijelaskan sebelum **7 haribulan** bagi tiap-tiap bulan dan jika gagal berbuat demikian pajakan akan dibatalkan tanpa sebarang notis.
8. Pemajak akan diberi lesen atau kebenaran bagi membolehkan memungut Hasil Kepala Bakul daripada peniaga-peniaga di dalam dan sekitarnya dengan syarat ianya tidak melebihi kadar yang telah ditetapkan di Lampiran A.
9. Pemajak adalah bertanggungjawab menjaga kebersihan pasar dan kawasan sekitarnya hingga Yang Dipertua Majlis Daerah Bachok berpuas hati.
10. Jika tidak kerja-kerja bersih akan dijalankan oleh pekerja Majlis dan pemajak dikehendaki menanggung segala perbelanjaannya yang akan diambil dari wang pertaruhan kebersihan.
11. Semua bayaran Elektrik dan Air termasuk wang deposit pembekalan adalah menjadi tanggungjawab pemajak membayarnya.
12. Sekiranya pemajak melanggar mana-mana syarat di atas, maka pajakan akan dibatalkan tanpa diberitahu kepada pemajak terlebih dahulu. Wang deposit dan wang pajakan yang telah dibayar akan dijadikan hasil Majlis Daerah Bachok.
13. Pemajak hendaklah memberi 30 hari notis bertulis kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Bachok jika ia ingin membatalkan pajakan.
14. Pihak majlis tidak akan terikat dengan mana-mana tawaran yang tertinggi atau sebaliknya dan keputusan Majlis adalah muktamad serta sebarang rayuan tidak akan dilayan.

Sekian,terima Kasih.

“ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI”
“SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT”

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD EZAZEE BIN MOHD EMBONG)

Setiausaha,

Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam.

b.p : Yang Dipertua

Majlis Daerah Bachok- Bandar Pelancongan Islam
Kelantan

s.k

1. YABrs. Tuan Yang Dipertua,
Majlis Daerah Bachok.
2. Semua Ahli Majlis Daerah Bachok-BPI.
3. MDB : 48/7/4/JLD.34

Tarikh : 14 November 2023

LAMPIRAN A

**KADAR HASIL KEPALA BAKUL
BAGI TAHUN 2024**

Spesifikasi dan kadar kutipan kepala bakul yang ditetapkan adalah sebagaimana berikut :

| Bil. | Jenis Perniagaan | Kepala Bakul (RM) |
|-------------|--|--------------------------|
| 1. | Kain baju dan pakaian | 2.00 |
| 2. | Rempah bawang/runcit | 2.00 |
| 3. | Gerai makanan dan minuman | 2.00 |
| 4. | Kedai kopi dan roti | 2.00 |
| 5. | Makanan yang telah dimasak | 2.00 |
| 6. | Gerai kelapa mesin | 3.00 |
| 7. | Sayur dan buah | 2.00 |
| 8. | Ikan kering 1 bakul | 2.00 |
| 9. | Ikan basah 1 tong | 3.00 |
| 10. | Ayam/itik 1 raga | 4.00 |
| 11. | Daging lembu / kerbau seekor | 10.00 |
| 12. | Daging lembu / kerbau satu petak gerai | 5.00 |
| 13. | Penjaja dengan kereta, lori, van dll | 4.00 |
| 14. | Pisang 1 bakul | 2.00 |
| 15. | Pisang 1 van | 7.00 |
| 16. | Tembikai 1 van | 12.00 |
| 17. | Lain-lain | Kadar yang berpatutan |